

GiatMARA komited lahir tenaga mahir Bumiputera kompeten, berpendapatan tinggi

Oleh [Ruwaida Md Zain](#) - September 9, 2023 @ 2:27pm
bhnews@bh.com.my



Majlis Graduasi GiatMara Zon Tengah 2023 di Dewan Canselor Management & Science University Shah Alam.

SHAH ALAM: GiatMARA komited melahirkan tenaga mahir kompeten dalam kalangan anak bangsa selaras hasrat kerajaan yang bukan sahaja berpendapatan tinggi, malah selari kehendak industri.

Timbalan Ketua Pengarah MARA, Datuk Zulfikri Osman berkata melalui usaha digerakkan dengan kerjasama pihak industri itu GiatMARA sudah melahirkan 342,632 pelatih dengan pelbagai kemahiran sepanjang 37 tahun menabur bakti kepada Bumiputera seluruh negara.

Beliau mengakui tahap kesedaran umum terhadap sektor kemahiran yang menawarkan sumber pendapatan tinggi semakin meningkat, malah banyak pihak industri kini bersedia untuk bekerjasama dengan MARA dan GiatMARA.

"Sokongan dari pelbagai industri penting kerana menawarkan pekerjaan tersedia melalui jalinan kerjasama ini. Perpindahan teknologi antara industri juga satu keuntungan kepada pelatih.

"Komitmen GiatMARA dan pihak Industri untuk kita terus melatih anak bangsa agar mencapai apa yang dihasratkan kerajaan dengan peningkatan pengeluaran tenaga mahir kompeten yang berpendapatan tinggi, selari kehendak industri," katanya ketika berucap pada Majlis Graduasi GiatMara Zon Tengah 2023 di Dewan Canselor Management & Science University Shah Alam hari ini.

Seramai 1,885 pelatih menamatkan latihan dan menerima Sijil Profesional GiatMARA di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan tahun lalu, dengan 1,082 dianugerahkan Sijil Profesional GiatMARA pada majlis hari ini.



Timbalan Ketua Pengarah MARA, Datuk Zulfikri Osman ketika Majlis Graduasi GiatMARA Malaysia ke-36, di Universiti MSU, Shah Alam. - Foto NSTP/Aziah Azmee



Majlis Graduasi GiatMara Zon Tengah 2023 di Dewan Canselor Management & Science University Shah Alam.

Zulfikri berkata, kursus pendek diwujudkan GiatMATA memberi lebih banyak peluang dan peningkatan pendapatan kepada belia terutamanya di kawasan luar bandar.

Justeru, beliau menyeru pihak industri dan masyarakat Malaysia terutamanya di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan untuk terus menjadi rakan strategik bagi memantapkan lagi program GiatMARA.

"Saya percaya perkara ini akan sekali gus menjadikan Program Latihan dan pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui GiatMARA terus menjadi pemangkin utama dalam melahirkan tenaga kerja tempatan kompeten yang dikehendaki bagi keperluan semasa.

"Di GiatMARA kita menawarkan program latihan kemahiran bersifat 'kebolehpasaran' dalam lebih 72 kursus dan program di Zon Tengah ini.



Majlis Graduasi GiatMara Zon Tengah 2023 di Dewan Canselor Management & Science University Shah Alam.

"Pelatih GiatMARA sekitar Lembah Klang dan Negeri Sembilan pula bukan biasa-biasa kerana berjaya menguasai kemahiran ke peringkat dunia, selain mendapat kerjaya bertaraf dunia di luar negara.

"GiatMARA juga berjaya menghimpunkan kira-kira 50 usahawan jutawan lepasan GiatMARA," katanya.